

Family Variables And Self Concept Variables (Part 2)

Siti Sarawati Binti Johar

2. TAKRIFAN KELUARGA DAN KONSEP KENDIRI

Menurut *Horton dan Hunt (1991)*, keluarga adalah institusi yang mempunyai ibu, bapa, anak-anak atau lebih hubungan darah perkahwinan atau adopsi dan tinggal bersama dalam satu rumahtangga. Manakala dalam *Kamus Dewan (1998)* pula ditakrifkan bahawa keluarga adalah sebagai sebuah kumpulan yang terdiri daripada suami, isteri dan anak-anak.

Pengertian dan takrifan konsep sendiri boleh diperolehi dengan banyak. Antaranya ialah takrifan oleh *William James (1890)*ⁱ yang menerangkan bahawa konsep sendiri ialah :

- i. Sikap dan perasaan seseorang terhadap dirinya.
- ii. Kendiri dianggap sebagai kumpulan proses psikologi yang mengawal tingkahlaku dan penyesuaian diri.

Bagi *Ormrod (2000)* pula, mentakrifkan konsep sendiri sebagai suatu cara kita menggambarkan tentang diri kita sendiri dan ini merangkumi semua kepercayaan tentang diri, personaliti, kekuatan dan kelemahan diri seseorang.

Konsep sendiri turut dianggap sebagai satu komposit idea, perasaan dan sifat tentang diri mereka sendiri. Konsep sendiri juga adalah satu cara kita cuba menerangkan tentang diri kita sendiri kepada kita ataupun cara membentuk satu skema atau model mengumpul impresi, perasaan dan sikap tentang diri kita sendiri (*Woolfolk, 2000*). Bagi *Rogers (1951)* pula, beliau percaya konsep sendiri seseorang individu adalah terbentuk melalui pengalaman. Hasil interaksi dengan persekitarannya, seorang individu akan mula sedar tentang peristiwa di luar dunianya. Pengalaman ini pasti memberikan kesedaran tentang konsep aku "I" yang berkait dengan soal kewujudan dirinya dan konsep diriku "ME".

Shavelson dan Bolus (1982) menjelaskan pula konsep sendiri adalah sebagai suatu tanggapan seseorang terhadap dirinya. Tanggapan yang dimaksudkan meliputi kepercayaan, perasaan, sikap dan nilai. Ringkasnya, konsep sendiri merupakan suatu hak peribadi dan menjadi sebahagian daripada diri sekaligus menjadi identiti diri yang berupaya mempengaruhi diri secara langsung mahupun tidak langsung.

CONTINUE...
